

Kenali sirah, ikuti sunnah Rasulullah

Dari muka 1

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap KPSSU, Dayang Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri; Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU (Pembangunan Sumber-Sumber Utama), Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU (Pembangunan Industri dan Kusahawanan), Awang Haji Khairuddin bin Haji Abd. Hamid; pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai kakitangan KPSSU dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Terdahulu, bacaan Surah Al-Faatihah diketuai oleh Imam Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Amron bin

Haji Awang.

Majlis diserikan dengan ceramah khas disampaikan oleh Pensyarah Kanan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.

Ceramah memfokuskan kepada tema sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Tahun 1436H 'Mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'.

Awang Haji Ahmad Abdussalam



CERAMAH khas disampaikan oleh Pensyarah Kanan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar bersama pegawai kanan dan para pegawai KPSSU sama-sama melaukan dikir pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul.

dalam ceramahnya antara lain menyentuh mengenai cara mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu dengan mengenal sirah dan mengikuti sunnah Nabi Junjungan kita untuk mendapatkan syafaat di Hari Kiamat nanti.

Antara sunnah Baginda ialah menyimpan janggut, memotong kuku, bersiwak dan lain-lain lagi.

Beliau juga menjelaskan mengenai cara kita mendidik anak untuk mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu dengan menceritakan mengenai kehebatan dan sifat (sirah) Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis diteruskan dengan Dikir Marhaban dan penyampaian cenderahati kepada saudara-saudara baru yang diraikan oleh tetamu kehormat.



ANTARA pegawai dan kakitangan lelaki KPSSU dan jabatan-jabatan di bawahnya yang hadir dalam majlis berkenaan.



ANTARA pegawai dan kakitangan wanita Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utam (KPSSU) dan jabatan-jabatan di bawahnya yang hadir pada majlis tersebut.

HALUAN

Program PARK, langkah mempromosi amalan cara hidup sihat

Dari muka 2

Selaras dengan tema Program Aktif dan Riadah Untuk Kesihatan, iaitu 'Maritah Beriadah Di Taman', adalah disarankan supaya semua lapisan masyarakat khususnya masyarakat setempat dari peringkat kanak-kanak hingga ke dewasa dan warga emas, untuk lebih giat aktif melakukan kegiatan fizikal seperti berjalan kaki, berbasikal, bermain bola dan sebagainya dengan memanfaatkan sebaik-baiknya kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Ini termasuklah Taman Rekreasi atas inisiatif Majlis Perundingan Kampung Belimbing dengan wujudnya Taman Tasek Serubing. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Majlis Perundingan Kampung Belimbing yang telah berjaya dan menjadi contoh teladan kepada Majlis-Majlis Perundingan Kampung yang lain di mana ianya sekali gus dapat membantu bagi mempromosi dan mempergiatkan lagi mengamalkan cara hidup sihat di kalangan masyarakat setempat dan persekitarannya.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Majlis Perundingan Mukim Kota Batu dan Persatuan Kemajuan Insan (KESAN) dalam sama-sama menyempurnakan dan menjayakan program ini. Di samping itu, saya juga sukacita merakamkan ucapan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Jawatankuasa dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Semoga segala usaha dan sumbangan yang murni lagi ikhlas itu, akan mendapat keberkatan dan ganjaran yang sebaik-baiknya dari Allah Subhanahu Wata'ala dan kita semua akan sentiasa berkeadaan sihat walafiat dan sejahtera.

Dengan mendahului kalimah *Bismillahir Rahmannir Rahim* dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, dengan sukacita saya melancarkan Program Aktif dan Riadah untuk Kesihatan 2015.

Tabung Anak-Anak Yatim terima sumbangan BND20 ribu



PENYERAHAN sumbangan untuk Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong (TAYDT) daripada Freme Travel yang diserahkan oleh Pengerusi Eksekutif syarikat berkenaan, Pengiran Dato Shariffudin bin Pengiran Metali kepada Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah, selaku Penasihat Jawatankuasa TAYDT.

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Temburong

TEMBURONG. - Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong menerima sumbangan berjumlah BND20 ribu oleh salah sebuah syarikat pengembaraan terkemuka di negara ini.

Penyerahan sumbangan daripada Freme Travel itu diserahkan oleh Pengerusi Eksekutif syarikat berkenaan, Pengiran Dato Shariffudin bin Pengiran Metali kepada Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin

Dato Paduka Haji Abdullah, selaku Penasihat Jawatankuasa Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong.

Majlis penyerahan sumbangan diadakan pada hari Khamis, 15 Januari lalu semasa berlangsungnya majlis pembukaan rasmi Taman Kembara dan Inap Hutan Hujan Freme yang telah dibaik pulih, di Kampung Batang Duri, Mukim Amo, di sini.

Bantuan scumpama ini menunjukkan keprihatinan syarikat pengembaraan berkenaan terhadap nasib golongan yang memerlukan di negara ini di mana dengan adanya bantuan tersebut tentunya akan dapat membantu meringankan bebanan anak-anak yatim di daerah ini bagi mendapatkan keperluan mereka.